

# Berbasikal Terengganu buru 8 emas

**Kuala Lumpur:** Skuad berbasikal Terengganu sudah siap sedia menyahut cabaran memenangi lapan emas seperti disasarkan Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) pada temasya Sukan Malaysia ke-17 (SUKMA-17) Perlis yang membuka tirainya esok.

Biarpun mengakui tertekan dengan sasaran tinggi itu, namun mereka percaya ia mampu direalisasikan, apa lagi sebelum ini giat melakukan la-

atihan pusat sebulan di Chiang Rai, Thailand.

Kini, pasukan berkenaan sudah berada di Perlis untuk latihan pusat terakhir dan bagi pengurus pasukan, Zulkarnain Abdullah, anak buahnya sudah 100 peratus bersedia mengharungi cabaran di temasya itu.

"Kami sudah memasuki fasa akhir persediaan selepas sebulan di Chiang Rai dan kini berkampung di FELDA Chu-

ping sebagai latihan terakhir," katanya semalam.

## Kurang pengalaman

"Kebanyakan pelumba baru pertama kali menyertai SUKMA dan sasaran itu mungkin dalam lima atau enam (emas) saja. Tetapi MSNT minta lapan emas tapi bagi saya ia boleh dicapai.

"Memang ramai yang masih baru tetapi daripada apa yang dilihat, komitmen da-

ripada mereka cukup baik, cuma yang kurang hanya pengalaman. Jadi saya yakin (dapat meraih lapan emas) kerana mereka sudah pun melakukan yang terbaik dalam latihan."

Skuad Terengganu membawa dua pelumba yang pernah menyumbang emas di SUKMA-16 iaitu Mohd Nabil Umar Bakri (tiga emas) dan Umi Hamimah Ahmad (dua emas).

- Oleh **Sukhairi Thani**